



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

Penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawai pengauditan yang diluluskan. Piawai tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dan Kumpulan pada 31 Disember 2010, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawai perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan disatukan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan yang disatukan.



(HJH ZAINUN BINTI TAIB)
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 OGOS 2011

